



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 16 OGOS 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 16 Ogos 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **17,450 kes** (1,162,578 kes kumulatif, 81.6%);
- Kes baharu : **19,740 kes** (1,424,639 kes kumulatif);
- Kes import : **19 kes** (8 warganegara, 11 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **19,721 kes** [15,902 warganegara (80.6%); 3,819 bukan warganegara (19.4%)];
- Kes aktif : **249,277 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **1,047 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **520 kes**;
- Kes kematian : **274 kes** [12,784 kes kumulatif, 0.90%];

211 warganegara, 63 bukan warganegara; 77 kes BID (28 warganegara; 49 bukan warganegara)];

- Jumlah kluster : **4,218 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **35 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **2,879 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **1,339 kluster**.

Daripada **19,740 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini, sebanyak **298 kes (1.5 peratus)** adalah daripada kategori 3, 4 dan 5. Manakala sebanyak **19,442 kes (98.5 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2. Ini adalah berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosa COVID-19. Ada di antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang berubah status kesihatan kes sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.


Secara keseluruhan, **16,805 kes (85.1 peratus)** daripada jumlah kes yang dilaporkan pada hari ini tiada atau tidak lengkap vaksinasi. Dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius. Diharapkan ini akan mengurangkan jangkitan COVID-19 di dalam negara, terutamanya kes di kategori 3 hingga 5. Status vaksinasi COVID-19 mengikut kategori adalah seperti Rajah 1.

STATUS VAKSINASI KES COVID-19 | 16 OGOS 2021

HARIAN MENGIKUT KATEGORI



BERDASARKAN KEADAAN KLINIKAL SEMASA BAHARU DIDIAGNOSA COVID-19



Rajah 1 Status Imunisasi COVID-19 Harian Mengikut Kategori

Sebanyak **274 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **100 kes** di Selangor, **39 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **31 kes** di Johor, **21 kes** di Kedah, **19 kes** di Pulau Pinang, **16 kes** di Melaka, **15 kes** di Sabah, **10 kes** di Perak, **sembilan (9) kes** di Kelantan, masing-masing **lima (5) kes** di Sarawak dan

Negeri Sembilan, **tiga (3) kes** di Terengganu, serta **satu (1) kes** di Pahang.

KADAR KEBOLEHJANGKITAN COVID-19 ATAU R_0 / R_T **(STATUS SEHINGGA 15 OGOS 2021)**

Berdasarkan data terkini pada **15 Ogos 2021**, nilai R_T Malaysia adalah sebanyak 1.05. Negeri yang mencatatkan nilai R_T yang tertinggi adalah Perlis (nilai R_T 1.29), diikuti oleh Kelantan (nilai R_T 1.19), dan Sabah (nilai R_T 1.16). Semua negeri mencatatkan R_T melebihi 1.0 kecuali Wilayah Persekutuan Labuan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Perincian jumlah dan purata kes mengikut negeri, kes-kes kematian, kluster-kluster baharu, dan Nilai R_T mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3, 4, dan 5 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

16 Ogos 2021 @ 7:00 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 16 OGOS 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	PURATA KES 7 HARI*	KADAR INSIDEN**	BILANGAN KES BAHARU ()***	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	6,505	96.87	5,706 (15)	518,360
WP KUALA LUMPUR	1,878	98.27	1,360 (1)	155,859
KEDAH	1,527	67.35	1,592	70,224
SABAH	1,496	36.96	1,728	106,830
JOHOR	1,380	35.15	1,510	112,355
PULAU PINANG	1,063	58.82	1,251 (1)	61,562
KELANTAN	1,006	51.32	1,227	58,343
SARAWAK	853	29.34	1,566 (2)	88,572
PERAK	833	31.91	938	51,520
NEGERI SEMBILAN	716	61.58	343	85,212
MELAKA	620	63.66	1,120	40,647
PAHANG	568	32.48	646	34,420
TERENGGANU	475	36.71	688	25,004
WP PUTRAJAYA	54	56.69	43	4,924
PERLIS	26	9.96	20	1,062
WP LABUAN	10	9.70	2	9,745
MALAYSIA	20,451	59.73	19,740 (19)	1,424,639

*Tidak termasuk kes import A (luar negara) dan di Penjara/Lokap/Depot Tahanan Imigresen (DTI)

**Purata kes 7 hari bagi setiap 100,000 penduduk

***Kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 274 kes kematian pada 16 Ogos 2021 adalah seperti berikut:

Negeri	Bil. Kes	Jantina		Kewarganegaraan		Tempat Kematian						Sejarah Penyakit
		L*	P*	WN**	BWN**	Hospital			BID***			
						Jumlah	WN**	BWN**	Jumlah	WN**	BWN**	
Selangor	100	63	37	81	19	74	66	8	26	15	11	80
WP Kuala Lumpur	39	22	17	5	34	6	5	1	33	-	33	10
Johor	31	15	16	29	2	29	27	2	2	2	-	27
Kedah	21	6	15	20	1	21	20	1	-	-	-	17
Pulau Pinang	19	12	7	16	3	14	14	-	5	2	3	18
Melaka	16	8	8	14	2	12	11	1	4	3	1	11
Sabah	15	11	4	13	2	10	9	1	5	4	1	10
Perak	10	5	5	10	-	9	9	-	1	1	-	6
Kelantan	9	3	6	9	-	9	9	-	-	-	-	8
Sarawak	5	3	2	5	-	4	4	-	1	1	-	5
Negeri Sembilan	5	3	2	5	-	5	5	-	-	-	-	5
Terengganu	3	1	2	3	-	3	3	-	-	-	-	3
Pahang	1	1	-	1	-	1	1	-	-	-	-	1
Jumlah	274	153	121	211	63	197	183	14	77	28	49	201

*L merujuk kepada lelaki dan P merujuk kepada perempuan

**WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

***BID merujuk kepada *Brought In Dead*

LAMPIRAN 3

Perincian 19,740 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 16 Ogos 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	5,706	155	3,302	15	2,234
SABAH	1,728	134	962	-	632
KEDAH	1,592	84	756	-	752
SARAWAK	1,566	312	904	2	348
JOHOR	1,510	269	832	-	409
WP KUALA LUMPUR	1,360	53	687	1	619
PULAU PINANG	1,251	80	390	1	780
KELANTAN	1,227	152	802	-	273
MELAKA	1,120	730	223	-	167
PERAK	938	103	468	-	367
TERENGGANU	688	73	501	-	114
PAHANG	646	148	356	-	142
NEGERI SEMBILAN	343	43	164	-	136
WP PUTRAJAYA	43	-	36	-	7
PERLIS	20	1	11	-	8
WP LABUAN	2	-	-	-	2
JUMLAH KESELURUHAN	19,740	2,337	10,394	19	6,990

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 16 OGOS 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Industri Persiaran Perusahaan	Tempat Kerja	Selangor	Petaling dan Hulu Langat	48	326
2	Jalan Astaka	Tempat Kerja	Selangor	Petaling	30	272
3	Industri Taman Integrasi Rawang	Tempat Kerja	Selangor	Gombak	29	240
4	Industri Simpang Tiga Ijok	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Selangor	29	38
5	Industri Dua Alam Jaya 2/1	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Selangor	26	54
6	Ladang Bukit Rotan	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Selangor	21	101
7	Industri Jalan Bunga Raya Sentosa	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Selangor	13	77
8	Perindustrian Jalan I-Park Satu	Tempat Kerja	Johor	Kulai	99	635
9	Perindustrian Pekan Nanas Lapan	Tempat Kerja	Johor	Pontian	45	53
10	Pekeliling Tanjung Dua	Tempat Kerja	Johor	Kulai	16	48
11	Batu 17 Saleng	Tempat Kerja	Johor	Kulai	11	415
12	Industri Pekeliling Tanjung 27	Tempat Kerja	Johor	Kulai	8	21
13	Dah Tapak Bina Banyan	Tempat Kerja	Kedah	Kuala Muda	55	442

14	Kampung Kadok	Tempat Kerja	Kelantan	Kota Bharu	8	19
15	Jalan Jelawat Tangok	Tempat Kerja	Kelantan	Bachok dan Kota Bharu	8	17
16	Industri Pengkalan Balak 2	Tempat Kerja	Melaka	Alor Gajah	51	407
17	Industri Jalan Tampin	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Seremban dan Rembau	72	139
18	Industri Jalan Tras	Tempat Kerja	Pahang	Bentong dan Raub	19	72
19	Jalan Pasar Intan	Tempat Kerja	Perak	Hilir Perak	50	138
20	Cenderawasih	Tempat Kerja	Sabah	Lahad Datu	8	35
21	Jalan Airport Lama	Tempat Kerja	Sarawak	Bintulu	12	31
22	Kampung Telaga Bata	Komuniti	Kelantan	Tumpat	28	48
23	Kampung Gual Pasong Hantu	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	27	45
24	Kampung Huda 2	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	20	34
25	Kampung Terap Banggu	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu dan Bachok	19	33
26	Kampung Siti Manis	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	14	25
27	Kampung Kuin Merah	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	13	17
28	Pintu Geng 2	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	13	22
29	Taman Segar 2	Komuniti	Perak	Muallim	26	50

30	Kampung Jerimbong	Komuniti	Kelantan	Jeli	9	11
31	Kampung Perol Meranti	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	7	14
32	Kampung Bayu Lalang	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	5	9
33	Jalan Wirawati	Kumpulan Berisiko Tinggi	WP Kuala Lumpur	Titiwangsa	28	37
34	Seksyen 14 Jalan Bayam 2	Kumpulan Berisiko Tinggi	Kelantan	Kota Bharu dan Tumpat	15	30
35	Peretak Kuala Kubu	Pendidikan Tinggi	Selangor	Hulu Selangor	21	50

LAMPIRAN 5**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN PADA 15 OGOS 2021**

NEGERI	NILAI R_T
PERLIS	1.29
KELANTAN	1.19
SABAH	1.16
PULAU PINANG	1.15
SARAWAK	1.14
PERAK	1.11
JOHOR	1.10
KEDAH	1.09
PAHANG	1.08
TERENGGANU	1.05
SELANGOR	1.02
NEGERI SEMBILAN	1.00
MELAKA	1.00
WP KUALA LUMPUR	0.99
WP PUTRAJAYA	0.90
WP LABUAN	0
MALAYSIA	1.05